



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	14/12/2020	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	KeTSA			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



**SHAMSUL ANUAR
NASARAH**

RM11.26 juta untuk HoB

KUALA LUMPUR: Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan sebanyak RM11.26 juta bagi menyokong pelaksanaan inisiatif program Heart of Borneo (HoB).

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr. Shamsul Anuar Nasarah berkata, peruntukan tersebut diluluskan sebagai usaha konservasi kepelbagaian biologi di kepulauan Borneo.

“Kerajaan Persekutuan komited meneruskan pelaksanaan inisiatif HoB ini bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).”

“Kesinambungan pelaksanaan inisiatif HoB di bawah RMK-12 sangat penting selaras dengan matlamat pengurusan hutan secara berkekalan dan usaha konservasi kepelbagaian biologi di kepulauan Borneo khususnya dan Malaysia secara amnya,” katanya dalam kenyataan semalam.

Malaysia, Brunei dan Indonesia bersepakat menandatangani Deklarasi HoB pada tahun 2007.

Jumlah keluasan kawasan terlibat di bawah Inisiatif HoB adalah sebanyak 20 juta hektar yang mana 6.8 juta hektar daripada kawasan tersebut terletak di Sabah dan Sarawak.

Shamsul Anuar turut menzahirkan penghargaan kepada negeri-negeri yang terlibat dalam usaha dan kerjasama mereka menjayakan inisiatif tersebut.